

Pengusaha premis makanan dipelawa sertai Restaurant Cooking Battle di UMS

NST - 20.10.16 10

LABUAN: Pengusaha premis makanan termasuk kedai makan dan restoran di Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan dipelawa menyertai pertandingan Restaurant Cooking Battle sempena Tamu Gadang UMS Labuan 2016 pada 19 November 2016.

Penyelaras program, Dg Norsiah Haji Ag Seman berkata johan akan menerima wang tunai sebanyak RM1,500, naib johan RM1,200 dan ketiga RM800.

Katanya, selain wang tunai, semua pemenang akan menerima plak daripada pihak pengajur.

Dg Norsiah berkata pertandingan itu yang akan diadakan pada pukul 1 petang itu di anjurkan bersama Petronas dan Kelab Suri Rumah dan Staf Wanita (Kesumba) UMS Kampung Antarabangsa Labuan.

Oleh itu, mereka yang berminat boleh menghubungi beliau di talian 0128154195 atau melayari laman web


www.kal.ums.edu.my/tamugadang atau facebook tamugadang sebelum tarikh tutup pada 14 November.

Beliau bagi pihak Pengarah UMS Labuan, Prof Madya Dr Murnizam Haji Halik yakin kehadiran peserta dari Sabah akan membantu menjana ekonomi dan merancakkan industri pelancongan Wilayah Persekutuan Labuan.

Sementara itu, sempena Tamu Gadang UMS Labuan 2016, pihak pengajur turut mengadakan pertandingan UMSKAL Cooking Battle pada 19 November bermula pukul 7.30 pagi hingga 12 tengah hari.

Penyelaras program, Shafiekah berkata pertandingan anjuran bersama Petronas dan Adabi itu menawarkan hadiah sebanyak RM1,200 untuk johan, naib johan RM800 dan ketiga RM600.

Katanya, mereka yang berminat boleh menghubungi beliau di talian 0168396235 sebelum atau pada 11 November 2016.



PESERTA ... Pertandingan memasak mendapat sokongan Petronas dan Kesumba KAL.